

Susun huruf

Susun semula huruf supaya membentuk perkataan yang tepat

Semangat **patriotisme** merujuk kepada perasaan cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Akhir-akhir ini, semangat patriotisme semakin **luntur** dalam kalangan rakyat. Perkara ini amat membimbangkan apabila terdapat segelintir rakyat yang tidak mempedulikan sambutan Hari Kebangsaan. Justeru, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk memupuk semangat patriotisme dalam **sanubari** anak-anak. Ibu bapa harus sentiasa menanamkan **kesedaran** tentang pentingnya memelihara kedaulatan dan kemerdekaan negara sejak anak-anak mereka masih kecil lagi. Sebagai contoh, ibu bapa mesti mengibarkan bendera bersama-sama anak-anak ketika sambutan Hari Kebangsaan negara. Selain itu, media massa melalui televisyen dan radio boleh menyiarkan rancangan atau program seperti **rencana** tentang pejuang-pejuang kemerdekaan negara untuk meningkatkan semangat patriotisme. Pihak sekolah memainkan tanggungjawab penting dalam menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan murid. Pihak sekolah boleh **menganjurkan program** bersifat patriotik seperti sambutan Hari Kebangsaan peringkat sekolah. Kesimpulannya, semangat patriotisme sangat penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negaranya. Dengan itu, mereka pasti akan menjadi individu yang berguna kepada bangsa, agama dan negaranya sendiri.

NIDVIDUI

RNCAANE

GAWARNERAAG

OGRPRMA

INCTA

SBAUNARI

YAKTAR

UUNLTR